

05/02/2003

BPR mahu dekati masyarakat

Norfatimah Ahmad

AGENSI Ketelusan Antarabangsa meletakkan Malaysia di tangga ke-33 daripada 102 negara di seluruh dunia yang berusaha memastikan tidak wujud amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Bagaimanapun, menerusi Indeks Pemberi Rasuah 2002 pula, Malaysia berada pada kedudukan ke-15 hasil penyelidikan untuk mengesan tahap pemberian atau tawaran rasuah di sesebuah negara membabitkan sektor perniagaan.

Apakah pencapaian baik pada peringkat antarabangsa ini sebagai habuan hasil kerja keras berterusan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berikutan cabaran menangani kes rasuah yang tidak ada batas sempadan?

Berdasarkan maklum balas diperoleh BPR hasil persidangan peringkat global, keyakinan pihak luar terhadap Malaysia, atau lebih tepat lagi BPR, adalah kerana ada kesungguhan ketara untuk melawan budaya rasuah dan disokong wawasan politik kerajaan yang jelas untuk melihat Malaysia benar-benar bebas daripada kongkongan gejala itu.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Zulkipli Mat Noor, berpendapat selain menyedari bagaimana rasuah perlu dibendung demi menjamin kesinambungan kemajuan Malaysia, kesungguhan kuasa eksekutif dan perundangan banyak memberi sumbangan kepada tindakan BPR.

"Malaysia yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, begitu komited untuk mencapai objektif ini. Banyak langkah diambil untuk merealisasikan matlamat ke arah sifar rasuah di negara ini.

"Antaranya, program pendidikan dan pencegahan membabitkan orang awam dari semua peringkat," katanya.

Adalah benar, kadang-kadang agensi yang sering menjadi perhatian dan harapan masyarakat itu kelihatan kurang menyerlah, sama ada kerana strategi atau sekadar ingin bersikap low profile supaya mudah melaksanakan tugas tanpa diperhatikan.

Bagaimanapun, keyakinan yang diberi pihak luar boleh dianggap sebagai indikator terhadap keberkesanan badan berkenaan.

Menjelaskan keadaan ini, Zulkipli berkata, sebenarnya Malaysia berada pada landasan yang betul sehingga disegani pada peringkat serantau atau lebih jauh, negara Asia Pasifik.

"Ketika ini, keyakinan pihak luar terhadap keupayaan BPR lebih menyerlah berbanding penerimaan masyarakat tempatan.

"Berikutan itu, sepanjang 2003 ini, strategi khusus ialah mendekati masyarakat menerusi pelbagai program dengan kerjasama media dalam usaha memberi persepsi positif masyarakat terhadap badan ini.

"Sebenarnya masyarakat juga perlu memahami dengan betul apa yang ditakrifkan sebagai suapan dan membolehkan BPR bertindak," katanya.

Zulkipli berkata, pihaknya tidak mahu rakyat menganggap BPR serta kakitangannya sebagai 'musuh' hingga mereka enggan bekerjasama untuk mencapai matlamat membongkar kegiatan rasuah.

"Pendekatan yang lebih mesra akan dirangka untuk memastikan masyarakat mudah mendampingi BPR, terutama untuk menyalurkan maklumat mengenai sebarang amalan suapan, salah guna kuasa dan penyelewengan," katanya.

Apakah strategi yang sedang rancak diatur itu bakal menyaksikan perubahan ketara terhadap operasi risikan, siasatan dan pendakwaan BPR?

Sudah pasti ia akan hanya diketahui dalam masa terdekat ini, dengan melihat sambutan yang diperoleh BPR terhadap program pendidikan dan kesedaran yang dilaksanakan pada peringkat sekolah, kakitangan kerajaan dan swasta serta masyarakat keseluruhan.

Boleh dikatakan majoriti kes yang disiasat BPR mendapat liputan meluas media dan perkembangan terkini mengenainya sentiasa dinanti-nantikan masyarakat umum.

Antaranya, siasatan Perwaja Steel Sdn Bhd yang menanggung hutang RM10 bilion selain mengalami kerugian terkumpul RM2.985 bilion; pecah amanah yang menimbulkan tanda tanya ketelusan pentadbiran Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); kerugian RM36.5 juta akibat penyelewengan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT); kegagalan pengurusan Penerbangan Malaysia (MAS) dan kerugian Lembaga Tabung Haji membabitkan lebih RM8 juta akibat penipuan dalam transaksi pengeluaran wang deposit dan RM80 juta akibat kelemahan melabur dalam syarikat dagangan mata wang asing dan terbaru, pendedahan Berita Harian mengenai kegiatan memberi wang sogokan untuk mempercepatkan urusan di pejabat tanah.

Tindakan yang diambil itu, walaupun secara diam-diam dan perlahan-lahan, mula menangkis keraguan sesetengah pihak di negara ini terhadap kemampuan BPR dalam usaha membasmi gejala memberi suapan.

Lebih-lebih lagi apabila pihak luar memandang Malaysia dengan hormat dan menjadikannya sebagai contoh dalam usaha menangani ganjaran rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan.

Status negara contoh yang diberi kepada Malaysia di kalangan negara rantau ini terbukti apabila sekumpulan pengkaji yang mengemukakan laporan penilaian pada Mei 2002 di Brisbane, Australia berpendapat Malaysia mempunyai infrastruktur yang lengkap dari segi undang-undang, tenaga, organisasi, komitmen dan wawasan politik untuk mencapai objektif membanteras kegiatan rasuah.

Perkara itu dibentangkan kumpulan pakar berkenaan selepas menjalankan kajian beberapa bulan di pelbagai agensi seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam konteks tindakan antirasuah dan pembersihan wang haram, Malaysia dianggap negara yang mampu membanteras kegiatan itu.

Sebahagian faktor yang menyumbang kepada keadaan itu adalah kewujudan undang-undang seperti Akta Pencegah Rasuah, Akta Kastam, Kanun Acara Jenayah dan Kanun Keseksaan yang membolehkan Malaysia bekerjasama dengan negara luar mengikut keperluan.

"Selain memiliki perundangan domestik yang lengkap, keupayaan Malaysia boleh dilihat pada tahap mikro menerusi usaha BPR menjalin hubungan dua hala dengan negara rantau ini seperti Brunei, Singapura dan Thailand dalam usaha membanteras rasuah.

"Malah, pejabat BPR juga sering menerima lawatan banyak negara seperti Kenya, Nigeria, Korea, China, Iran, Nepal dan India yang berminat mendalami pelbagai program dan langkah yang dirangka untuk matlamat yang sama," katanya.

Selain itu, pembabitan BPR yang mewakili negara pada peringkat antarabangsa juga dinanti-nantikan apabila sering dijemput membentangkan kertas kerja dalam beberapa seminar berkaitan antirasuah seperti di Korea, Jepun dan China.

Malah, Malaysia juga aktif sebagai ahli kumpulan antipembersihan wang haram Asia Pasifik, selain bertanggungjawab secara langsung dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Vienna untuk menggubal dasar penting mengenai antirasuah.

Terkini, delegasi Suruhanjaya Perancangan Pembangunan China tertarik dengan mekanisme BPR seperti Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) dalam usaha memastikan jabatan kerajaan 'bersih' daripada sebarang kegiatan memberi suapan.

Penubuhan JKP pada 1998 bertujuan mengenal pasti masalah dan kelemahan di semua peringkat pentadbiran kerajaan.

Jawatankuasa itu memberi tumpuan terhadap usaha meningkatkan integriti, produktiviti dan keberkesanan dalam menjalankan tugas sektor perkhidmatan awam dapat mengatasi masalah yang dihadapi.

Sebagai langkah melahirkan kakitangan profesional pula, kata Zulkipli, perancangan rapi turut dirangka BPR termasuk memastikan setiap pegawai penyiasat mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu. Segala-galanya bagi memastikan kertas siasatan berkualiti.

Turut menjadi perhatian adalah langkah menambah cawangan BPR di beberapa lokasi strategik di seluruh negara untuk memudahkan masyarakat setempat menyalurkan maklumat mengenai sebarang kegiatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Walaupun masih banyak kes yang masih belum dapat diselesaikan, Zulkipli berkata, ia tidak bermakna pihak yang bertanggungjawab tidak akan menerima hukuman setimpal.

"BPR bukan berdiam diri apabila masyarakat melihat tiada tindakan diambil terhadap sesuatu kes," katanya.

Beliau berkata, selain mempunyai cara tersendiri bagi membawa seseorang ke muka pengadilan, ada ketikanya siasatan sesuatu kes tertanggung apabila BPR kekurangan bukti atau saksi.

"Namun, itu bukanlah alasan untuk menuduh BPR lemah atau mengamalkan pilih kasih," katanya.